

U GB 12-09 00203 BH991

aab

MAHATHIR: SABAH TERUS MUNDUR TANPA KERJASAMA KERAJAAN PUSAT  
Mahathir - Sabah ''''

KOTA BELUD, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Negeri tidak berminat untuk bersungguh-sungguh membangun dan memajukan Sabah, tetapi lebih asyik bertelingkah dengan Kerajaan Pusat.

Ketika berucap pada perjumpaan dengan rakyat di Padang Bandaran di sini, kira-kira 85 km dari Kota Kinabalu, Perdana Menteri berkata Sabah memang mencapai kemajuan yang cukup besar selepas merdeka dalam Malaysia.

Tetapi, masih banyak lagi yang masih dimajukan di Sabah dan negeri ini mempunyai potensi yang besar, yang sayangnya tidak digunakan kerana Kerajaan Negeri hanya memperjuangkan kepentingan pemimpinnya sahaja, katanya.

Perdana Menteri menekankan, kemajuan pembangunan hanya dapat dicapai jika perhatiannya ditumpukan kepada usaha itu. Sabah ketinggalan dalam pembangunan kerana kerajaannya tidak menumpukan perhatian pada bidang itu.

Beliau juga mengingatkan bahawa selama Kerajaan Negeri tidak dapat **bekerjasama** dengan Kerajaan Pusat, kemajuan dan **pembangunan di Sabah akan terus tergendala.**

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, UMNO masuk ke Sabah semata-mata untuk menyediakan wadah bagi rakyat negeri ini untuk menyatupadukan usaha mereka kerana selepas PBS keluar dari Barisan Nasional, perhubungan dan kerjasama yang perlu untuk kemajuan itu telah terputus. -- Lagi

♥12/09/17-11MST

U GB 12-09 00179 BH992

aab

Mahathir - Sabah 2 Kota Belud

Perdana Menteri berkata, UMNO masuk ke Sabah bukan untuk menjajah atau menakluki negeri ini tetapi kerana rakyat bumiputera di sini telah dipecahbelah dan hendak disisihkan daripada kemajuan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, UMNO bukan satu parti yang tamak. Kalau kita tamak, UMNO di Semenanjung boleh bertanding di 98 kawasan Dewan Rakyat yang majoriti rakyatnya Melayu.

UMNO boleh menang di semua kawasan itu kalau hanya mementingkan orang Melayu dan dengan itu boleh menubuhkan Kerajaan yang **berkuasa di seluruh Malaysia.**

Tetapi UMNO tidak berbuat demikian. Kita mahu bahagi kuasa **dengan rakan-rakan** partilain dalam BN dan **memperjuangkan** kepentingan seluruh rakyat Malaysia, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap UMNO Sabah akan mengamalkan semangat yang sama dan menjalin hubungan kerjasama yang erat dengan parti-parti lain komponen Barisan Nasional seperti AKAR dan LDP.

Beliau juga yakin, pada pilihan raya negeri yang akan datang Barisan Nasional akan dapat menerajui kembali kerajaan negeri dan membawa Sabah kembali ke dalam aliran utama pembangunan negara. -- Lagi

♥12/09/17-28MST

nab

Mahathir - Sabah 3 Kota Belud

'Perdana Menteri' berkata dalam UMNO tidak ada tempat bagi pemimpin yang ingin menggunakan kuasa untuk kepentingan diri atau golongannya sendiri.

Beliau berkata, dalam pahit-maung perjuangannya, hanya satu keinginannya: Melihat Malaysia maju, rakyatnya bersatu, padu dan makmur, hidup aman dan disegani serta dihormati oleh negara-negara lain.

+Saya telah berusia 66 tahun. Ini adalah usia yang sudah lanjut. Mencari kekayaan dengan menggunakan kekuasaan tidak lagi bermakna bagi saya.

+Yang saya inginkan ialah supaya Malaysia maju, rakyatnya aman dan makmur dan negara ini dihormati,+ katanya.

Beliau berharap kaum bumiputera di Sabah akan memberi sokongan yang padu dan kuat kepada UMNO dan kaum-kaum lain yang bukan bumiputera bekerjasama dengan UMNO untuk kemajuan negeri ini dan negara umumnya.

Perdana Menteri telah dianugerahi gelaran '+Wira Nusa Raya+' oleh rakyat Sabah, yang disampaikan oleh bekas Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun. -- Lagi

♥12/09/17-35MST

U CB 12-09 00193 BH994

aab

Mahathir - Sabah 4 Kota Belud

Datuk Sri Dr Mahathir, bersama-sama Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, diiringi oleh Tun Mustapha, Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai dan Timbalan Menteri Penerangan Encik Railey Haji Jeffrey, kemudian ke pejabat Usukan untuk merasmikan pembukaan papan tanda kemasukan UMNO ke Sabah.

Sebelum itu, Tun Datu Mustapha, dalam ucapannya, berkata kemenangan UMNO pada pilihan raya kecil Usukan pada 11 Mei lepas merupakan permulaan satu sejarah kerana sejak itu bendera UMNO telah menjadi sebahagian daripada pemandangan di kota ini.

Katanya, dakwaan bahawa UMNO masuk untuk menjajah Sabah sebenarnya hanya ditimbulkan oleh segolongan kecil pembangkang yang takut dan iri hati melihat UMNO bertapak di negeri ini.

Tun Datu Mustapha berkata, sambutan rakyat Sabah terhadap UMNO sangat menggalakkan dan dalam masa yang singkat 143,000 telah menganggotai parti itu, yang dijangka akan meningkat menjadi, 200,000 tidak lama lagi.

Katanya, kemenangan UMNO di Usukan juga merupakan kemenangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin yang dicintai rakyat di Sabah. -- Lagi

♥12/09/17-40MST

U CB 12-03 00136 BH995

aab

Mahathir - Sabah 5 Kota Belud (akhir)

Tun Datu Mustapha juga berkata rakyat di Sabah menaruh harapan besar kepada UMNO untuk menyatupadukan mereka dalam mencapai kemajuan.

Katanya, memang tidak dapat dinafikan ada pilih kasih Kerajaan Negeri yang dikuasai PBS terhadap rakyat bumiputera di negeri ini dan UMNO diharapkan dapat membetulkan keadaan ini.

Beliau juga berkata, penganugerahan gelaran '+Wira Nusa Raya+' kepada Datuk Seri Dr Mahathir adalah tanda ikhlas dan penghargaan rakyat negeri ini kepada Perdana Menteri.

Dalam perjumpaan itu, Datuk Napsiah, yang juga Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, telah mengumumkan penubuhan badan penaja Wanita UMNO Sabah di semua 20 Bahagian di negeri ini.

Perdana Menteri mengakhiri lawatan rasmi dua harinya ke Sabah tengah hari tadi dan berlepas ke Miri, Sarawak. -- Bernama

♥12/09/17-43MST